

MAHATHIR: SAYA TIADA MASALAH DENGAN MUSA

UM 29 JUN 1985

JOHOR BAHRU 28 Jun - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan semua pihak khususnya ahli-ahli UMNO supaya jangan menyaltafsirkan ketiadaan Datuk Musa Hitam dalam negara sekarang sebagai terdapat sesuatu masalah antara beliau dengan timbalannya itu.

Perdana Menteri berkata, beliau sedar terdapat berbagai berita angin kebelakangan ini bukan sahaja tentang hubungannya dengan Datuk Musa tetapi juga tentang kemerosotan ekonomi negara.

Beliau menyifatkan berita-berita angin itu sebagai tidak berasas sama sekali dan disebarkan oleh mereka yang mempunyai niat buruk.

Perdana Menteri berucap kepada perhimpunan yang menyambut ketibaan beliau di Lapangan Terbang Sultan Ismail pagi ini, untuk memulakan lawatan rasmi dua hari ke Johor.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, ketiadaan Datuk Musa

Dalam sistem kita, perhubungan yang rapat memang wujud antara kepimpinan dengan mereka yang menjadi pengikut dan kita harus mengguna saluran-saluran ini untuk menentukan kebenaran sesuatu dan tidak mendengar cerita dari sana sini," ujarnya.

Ini, kata Perdana Menteri, adalah kerana mereka yang membawa cerita-cerita itu mempunyai niat buruk.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau suka berterus-terang dan kalau ada apa-apa yang terbuka di hati, "akan saya luahkan kepada semua pihak."

Beliau menambah, hanya dengan berterus-terang dan tidak terpengaruh dengan berita - berita yang tidak berasas, barulah dapat diwujudkan sebuah kerajaan dan sebuah negara yang terbuka di mana yang benar akan didedahkan tetapi apa yang tidak benar tidak akan sama sekali menarik perhatian.

"Dengan cara ini dapatlah kita menentukan negara kita tidak akan diancam oleh sesuatu yang tidak benar, atau sesuatu yang tidak berasas sama sekali," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau menyentuh tentang berita-berita angin serta soal menyaltafsirkan sesuatu peristiwa itu kerana ia boleh membawa akibat buruk jika dibiarkan.

Oleh Khalid Mohd.

semasa beliau melawat Johor tidak patut disalatafsirkan oleh sesiapa sebagai satu masalah atau sebagai suatu bukti bahawa ada sesuatu yang berlaku.

"Sebenarnya tidak ada apa-apa pun yang berlaku, kepentingan urusan mesti dijalankan dan kalau pada masa lawatan saya ke sini, Datuk Musa terpaksa pergi ke luar negeri, itu adalah secara kebetulan sahaja.

"Tidak ada makna lain yang boleh dibuat kepada ini. Tidak perlu diadakan tafsiran-tafsiran yang sering dibuat oleh orang ramai dan kadang-kadang oleh ahli-ahli UMNO sendiri," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang membuat lawatan rasmi yang pertama ke Negeri Johor sejak menjadi Perdana Menteri berharap lawatannya akan diterima oleh semua pihak tanpa membuat tafsiran-tafsiran yang tidak berasas.

Beliau mengingatkan semua pihak supaya berterus - terang dan tidak bersembunyi di sebalik sesuatu dan juga jangan menggunakan berita - berita angin untuk menyebarkan sesuatu pendapat.

"Kalau ada masalah di antara kita, ada jentera yang boleh digunakan oleh kita untuk mengatasi masalah-masalah ini.